

**PGA102: PERKEMBANGAN INTRAPERSONAL DAN INTERPERSONAL
REMAJA**

SEMESTER 2

SIDANG AKADEMIK 2018/2019

TAJUK: BUDAYA HEDONISME DALAM KALANGAN REMAJA

WAKTU TUTORIAL: RABU (2 PETANG – 3 PETANG)

NAMA PENSYARAH: 1) DR HAJI NORAWI

2) DR ASWATI BINTI AMZAH

NAMA AHLI KUMPULAN	GAMBAR
MOHD NOOR SYAFIQ BIN NOR HISHAM 141779 PPIP (SAINS DENGAN PENDIDIKAN)	
NURUL FIKRAH BINTI AZIZ 141428 PPIP (PENDIDIKAN KHAS)	
NURUL HANAA' BINTI KHADRI 141297 PPIP (PENDIDIKAN KHAS)	
NUR AISYAH BINTI LATFI AMIN 142792 PPIP (PENDIDIKAN KHAS)	
NUR FARAH IZZATI BINTI MD ZAIN 141848 PPIP (PENDIDIKAN KHAS)	
SITI NUR ATIRAH BINTI NORDIN 142562 PPIP (PENDIDIKAN KHAS)	

1.0 PENGENALAN

i. Definisi Remaja

Menurut kamus dewan edisi kedua, remaja bermaksud muda atau mula dewasa, sudah akil baligh, sudah cukup umur untuk berkahwin dan masa muda. Remaja juga boleh diertikan dengan mulai dewasa, mentah, belia, hijau, cukup umur dan baligh. Peringkat remaja bermula dari umur 12 sehingga 20 tahun.

Steinberg (1999) mengkategorikan remaja kepada tiga tahap. Tahap pertama ialah awal remaja (11-14 tahun), tahap kedua ialah pertengahan remaja (15-18 tahun) dan tahap ketiga ialah akhir remaja (18-21 tahun). Remaja atau 'adolescence' berasal dari perkataan Latin yang bermaksud 'to grow into adulthood' iaitu remaja mengalami perkembangan dan perubahan daripada zaman kanak-kanak kepada zaman dewasa. Dapat disimpulkan bahawa remaja akan mengalami proses pencarian personaliti dan sifat mereka yang tersendiri untuk membentuk identiti mereka.

Seterusnya, menurut Stainley Hall (1904), perkembangan inividu ditentukan oleh naluri mereka tersendiri yang terhasil daripada faktor biologi dan faktor genetik. Menurut beliau, zaman remaja lebih dikenali dengan zaman 'storm dan stress' yang bersifat semulajadi hasil daripada perubahan-perubahan yang berlaku semasa akil baligh. Zaman remaja merupakan zaman yang khusus untuk mereka mengenal dan menganalisis segala perbuatan dan tingkah laku.

Menurut Kathleen dan Joseph (1989), zaman remaja adalah satu tempoh penangguhan psikososial iaitu tempoh peralihan yang panjang di antara peringkat kanak-kanak kepada peringkat dewasa yang mungkin disambut oleh individu tersebut sebagai satu peluang untuk mereka meneroka diri sendiri. Dengan kata lain, remaja bermaksud satu zaman peralihan dari peringkat zaman kanak-kanak ke peringkat dewasa. Zaman inilah para remaja sentiasa dicabar oleh peraturan-peraturan agama, sosial dan pembangunan. Seandainya mereka gagal mengawasi tugas-tugas perkembangan yang dilalui tersebut, maka mereka akan menghadapi masalah dan tekanan dalam mencari identiti mereka.

ii. Ciri-Ciri Remaja

1) Perkembangan fizikal kepada Remaja

Seperti yang sudah kita ketahui bahawa remaja merupakan peralihan zaman dari kanak-kanak ke dewasa. Pada tempoh tersebut, individu yang bergelar remaja mengalami perubahan fizikal, kognitif dan sosial. Remaja akan mengalami pelbagai perubahan bagi mencapai kematangan mereka dari pelbagai aspek seperti jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Perubahan fizikal disebabkan oleh hadirnya hormon estrogen kepada perempuan yang mengalami haid dan hormon testosteron kepada lelaki yang mengalami 'mimpi basah'. Penghasilan hormon ini adalah satu proses pewujudan sistem reproduksi dan perubahan badan. Ramai remaja menganggapnya negatif dan mereka memerlukan penyesuaian diri terhadap perubahan mengejut ini dari segi aktiviti dan ketidakselesaan emosi. Selain itu, kadar pertumbuhan adalah cepat pada tahap awal remaja tetapi perlahan kemudiannya. Tubuh badan pada peringkat remaja ini memerlukan makanan yang seimbang dan zat yang cukup untuk tenaga. Ketinggian, bentuk badan dan otot badan remaja lelaki adalah lebih besar serta tinggi daripada perempuan.

2) Perkembangan emosi kepada Remaja

Emosi adalah suatu perasaan atau gejala jiwa yang muncul dalam diri seseorang akibat daripada rangsangan, sama ada dari diri sendiri ataupun dari luar. Emosi sangat berhubung dengan keadaan psikologi dan suasana hati seseorang yang dinyatakan dalam bentuk tingkah laku tertentu. Terdapat dua bentuk emosi iaitu emosi positif (emosi yang baik) dan emosi negatif (emosi yang buruk). Ramai orang yang menganggap bahawa "emosi" sebagai bentuk amarah, namun sebenarnya emosi mewakili pelbagai bentuk perasaan manusia. Beberapa bentuk emosi atau perasaan manusia seperti sedih, gembira, marah dan lain-lain lagi. Perkembangan emosi merujuk kepada perkembangan perapatan, rasa percaya, keselamatan, kasih sayang dan cinta. Individu yang berada dalam peringkat remaja akan membentuk dan menjalin perhubungan dalam bentuk yang lebih mendalam dengan rakan sebaya. Remaja turut mengambil masa yang banyak memikirkan tentang diri sendiri. Mereka amat prihatin terhadap perubahan yang berlaku kepada diri mereka. Oleh itu, individu yang berada

dalam lingkungan ini sudah mampu menguruskan hal-hal berkaitan kewangan. Secara umumnya, mereka sudah bersedia menempuh alam pekerjaan dan ke jinjang pelamin.

3) Perkembangan kognitif kepada Remaja

Perkembangan kognitif adalah perubahan kemampuan mental seperti belajar, memori, mengingat, berfikir, dan bahasa. Piaget (dalam Papalia & Olds, 2001) mengemukakan bahawa pada usia remaja telah terjadinya kematangan kognitif, iaitu interaksi dari struktur otak yang telah sempurna dan lingkungan sosial yang semakin luas untuk memudahkan remaja untuk berfikir secara abstrak. Piaget menyebut tahap perkembangan kognitif ini sebagai tahap operasi formal (dalam Papalia & Olds, 2001). Menurut Papalia dan Olds (2001), masa remaja adalah masa perkembangan antara masa kanak-kanak dan masa dewasa yang pada umumnya pada usia 12 atau 13 tahun dan berakhir pada usia akhir belasan tahun atau awal dua puluhan tahun.

iii. Definisi Budaya Hedonisme

Definisi budaya mengikut kamus Dewan Edisi Keempat adalah tamadun, peradaban atau Islam, kemajuan fikiran, akal budi (cara berfikir, berkelakuan dan sebagainya) atau kuning, bersifat budaya, yang mengenai kebudayaan, yang sudah maju (akal budi), antropologi atau kuning budaya Barat yang dianggap mempunyai unsur-unsur buruk atau negatif atau rakyat cerita, adat, pakaian, tingkah laku dan sebagainya yang diwarisi oleh sesuatu masyarakat atau bangsa, berbudaya mempunyai budaya, memiliki cara berfikir dengan akal budi yang sudah maju, membudaya menjadi kebiasaan atau kelaziman, membentuk kebudayaan, hukuman moral ini belum berlaku di negara ini, membudayakan adalah mengajar atau mendidik seseorang (masyarakat dll) supaya berbudaya, berfikir secara ilmiah bertujuan untuk masyarakat, membiasakan sesuatu perilaku (perbuatan dan lain-lain) yang baik supaya berbudaya atau beradab, kebudayaan keseluruhan cara hidup (yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan, dan berfikir) serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yg berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban, kemajuan (akal budi).

Hedonisme merupakan suatu pola pemikiran yang menyatakan bahawa memaksimumkan keseronokan adalah perkara terbaik dan amat disukai dalam kehidupan manusia di alam ini. Istilah hedonisme ialah cantuman daripada dua perkataan iaitu 'hedone' dan 'isme'. Perkataan pertama iaitu hedone merupakan istilah Greek (Yunani) yang bererti kesenangan atau

kесeronokan. Maksud perkataan kedua iaitu isme dijelaskan dalam Kamus Dewan sebagai akhiran asing kepercayaan, gerakan politik atau keagamaan, sikap, serta perlakuan. Perkataan hedonisme diertikan sebagai suatu pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup. Oxford English Dictionary mendefinisikan hedonisme sebagai satu doktrin atau teori etika yang menyatakan bahawa keseronokan merupakan tahap kebaikan tertinggi atau matlamat akhir sesuatu tindakan. Hedonisme juga diertikan sebagai kepuasan rasa dan kenikmatan yang menjadi ukuran tingkah laku sesuatu perbuatan yang baik. Hedonisme menilai kebaikan hanya berdasarkan kepada keseronokan semata-mata. Nilai moral dianggap mempunyai persamaan dengan nilai kebaikan yang diperoleh dalam budaya hedonisme ini. Penganut fahaman ini dikenali sebagai hedonis dan sifat golongan ini yang mementingkan keseronokan disebut sebagai hedonistik.

iv. Hubungan hedonisme dengan remaja (interpersonal dan intrapersonal)

Intrapersonal bermaksud faktor dalaman seseorang iaitu ia hanya berlaku dalam diri sendiri atau pemikiran sendiri tanpa melibatkan interaksi dengan orang lain. Misalnya, seseorang sedang berfikir tentang sesuatu perkara dan perkara tersebut secara tidak langsung menyebabkan ia berkomunikasi atau bercakap dengan diri sendiri. Sebagai contoh, bermonolog dengan diri sendiri dalam membuat pilihan atau menentukan keputusan serta memberikan sesuatu sebab dan akibat berkaitan tingkah laku diri sendiri.

Interpersonal pula bermaksud faktor luaran yang melibatkan hubungan sesama manusia seperti hubungan remaja dengan ahli keluarga, guru-guru serta rakan-rakan sebaya yang berhubung rapat dengan remaja itu sendiri. Interpersonal juga merupakan proses hubungan komunikasi dua hala yang melibatkan dua orang atau lebih. Selain itu, interpersonal juga menyebabkan seseorang itu dapat mengenal dan berinteraksi dengan baik dengan orang lain.

Elemen intrapersonal pertama ialah tekanan perasaan. Seperti yang kita ketahui peringkat remaja adalah peringkat yang mana seseorang itu mempunyai emosi yang belum stabil tidak tahu cara yang betul untuk mengawalinya. Oleh hal demikian, remaja mudah mendapat kemurungan akibat terlalu tertekan disebabkan oleh beberapa masalah. Misalnya, dia mendapat keputusan yang tidak memuaskan dalam peperiksaan dan telah dimarahi oleh ibu bapa. Hal ini secara tidak langsung mendatangkan tekanan perasaan terhadap remaja itu kerana apa yang diharapkan seperti kata-kata positif dan semangat tidak keluar dari mulut ibu bapanya. Perkara ini juga telah menyebabkan remaja itu hilang minat sepenuhnya terhadap sesuatu

aktiviti yang sebelum ini digemarinya. Remaja tersebut juga sering kesedihan, rasa cemas atau mudah marah, rasa rendah diri yang ketara, rasa bersalah tidak bertempat, rasa tidak berupaya, gelisah serta kesukaran menumpukan perhatian, mengingati maklumat atau membuat keputusan. Hal ini menyebabkan secara tidak langsung boleh membawa kepada remaja perlukan hiburan untuk menyenangkan hatinya yang sedang mengalami kekecewaan.

Elemen intrapersonal kedua ialah masalah kurang keyakinan diri. Remaja berasa kurang keyakinan diri apabila memiliki kekurangan seperti memiliki tubuh badan yang tidak menarik, tidak begitu menonjol dalam apa-apa program dan sebagainya. Perkara ini menyebabkan remaja merasakan malu dan sukar untuk mengekalkan penampilan diri serta berkomunikasi dengan baik apabila berhadapan orang ramai. Kehidupan mereka juga sentiasa dalam keadaan pasif dan sentiasa berputus asa serta merasakan diri tidak berguna dan diperlukan. Hal ini berkemungkinan akan menyebabkan remaja perlukan hiburan seperti melepak, membeli-belah yang melampau dan sebagainya.

Elemen intrapersonal yang ketiga pula ialah sosial dalam diri sendiri. Semakin meningkat remaja, semakin menebal dalam diri remaja untuk mencuba perkara baru tanpa memikirkan sama ada perkara itu betul atau salah. Hal ini demikian kerana bagi mereka memperoleh kebebasan bersosial ketika zaman remaja adalah perkara yang paling seronok dan akan berasa rugi sekiranya mensia-siakannya.

Di samping itu, elemen interpersonal yang pertama ialah konflik hubungan dengan ibu bapa. Remaja menghadapi masalah dalam mengekalkan hubungan baik ibu bapa. Sebagai contoh, remaja itu sendiri berasa disisih oleh ibu bapa mereka dan menganggap ibu bapa mereka lebih menyayangi adik-beradiknya yang lain. Jadi, perkara ini secara tidak langsung menyebabkan remaja tersebut mempunyai penghargaan diri yang rendah, tidak ada matlamat hidup, kurang keyakinan diri, tiada harapan dalam hidup, mengalami kemurungan dan konflik dalam hidup berisiko. Kemudian, timbul pula isu dimana remaja terpengaruh dengan rakan sebaya apabila dia berasa ibu bapa tidak menghiraukannya. Hal ini berpunca daripada rakan iaitu tempat dimana remaja turut meluangkan masa sehingga membawa kepada aktiviti yang negatif.

Elemen interpersonal yang seterusnya ialah sikap ibu bapa yang tidak mempunyai waktu secukupnya untuk anak-anak. Sikap ibu bapa yang kurang menitikberatkan hubungan kekeluargaan menyebabkan masa sangat terhad dengan anak-anak kerana mereka sibuk bekerja sehingga mengabaikan anak-anak mereka yang semakin meningkat remaja. Ibu bapa yang

sibuk hanya membiarkan anak-anak mendapatkan kasih sayang daripada orang lain seperti pengasuh atau saudara mara yang lain. Hal ini menyebabkan anak-anak yang semakin meningkat remaja berasa kesunyian dan bersedih serta memberontak. Mereka juga merasakan diri tidak diperlukan dan tersisih. Selain itu, ibu bapa yang tidak mempunyai kemahiran keibubapaan, komunikasi, dan disiplin juga menyebabkan anak-anak menjadi pasif. Hubungan keluarga yang bercirikan kemarahan, ketidakstabilan emosi dan ketidakterimaan juga boleh menyebabkan tingkah laku remaja itu sendiri merosak. Perkara ini akhirnya boleh menyebabkan remaja itu terlibat dengan gejala hedonisme kerana tidak suka akan keadaan keluarganya yang berpecah belah.

Akhir sekali, elemen interpersonal ialah kehilangan dan perpisahan. Zaman remaja adalah zaman yang indah. Namun begitu, kehilangan orang yang dikasihi seperti ibu bapa, rakan dan kekasih boleh menyebabkan remaja itu tidak mahu menghabiskan zaman remajanya dengan produktif. Selain itu juga, penceraian ibu bapa juga memberi sebab yang besar kepada remaja untuk tidak meneruskan kehidupan. Ketiadaan orang tersayang juga menyebabkan mereka berasa berputus asa dan sentiasa sedih untuk meneruskan kehidupan. Sesetengah mereka juga mengalami pengalaman dalam putus persahabatan atau percintaan. Walaupun dalam kesedihan tersebut, remaja sangat perlukan kekuatan dan kemahiran dalam menanganinya. Namun, ada sesetengah remaja mengambil jalan singkat dalam melibatkan diri dengan budaya hedonisme.

v. Bahaya Hedonisme

Budaya hedonisme yang menjadi pegangan masyarakat kini mengundang pelbagai implikasi. Antaranya implikasi terhadap ilmu. Ilmu pengetahuan merupakan aset diri yang tidak ternilai. Ia adalah elemen kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Orang yang berilmu merupakan orang yang berfikiran untuk mengubah situasi hidupnya kepada kehidupan yang lebih baik. Adunan di antara akal dan fikiran memimpin manusia ke arah kecemerlangan dan kegemilangan hidup. Ini kerana, hasil daripada olahan fikiran akan menemui pelbagai ilmu pengetahuan yang menjadi pembaharuan dalam menangani kehidupan. Fikiran yang kukuh untuk menuntut ilmu semasa usia muda menghasilkan masyarakat yang berwawasan dan berketerampilan. Namun, masyarakat remaja telah menyalahgunakan kecanggihan sains dan teknologi masa kini. Mereka tidak terfikir untuk mengilmukan diri supaya ia dapat memantapkan kebahagiaan hidup. Berbekalkan ilmu, manusia akan terselamat daripada

pengaruh budaya dan ideologi yang merosak dan menyesatkan pemikiran. Namun, pada masa kini kebanyakan umat manusia lebih mengutamakan ilmu moden ciptaan manusia. Justeru itu, mudahlah ideologi dan budaya Barat menyerang dan mempengaruhi pemikiran mereka. Akibat mengejar keseronokan hidup, mereka alpa mengenai kewajipan untuk memelihara akal.

Seterusnya, budaya hedonisme melahirkan manusia yang keras hati, menolak kebenaran dan sentiasa berada dalam kesesatan. Kemewahan menjadikan hati manusia menjadi kasar, hilang kepekaan dan merosakkan fitrah manusia. Malah ia turut menyebabkan manusia bersikap sombong terhadap hidayah dan berdegil di atas kepalsuan. Golongan yang hidup mewah itu tertipu dengan nilai-nilai yang palsu dan nikmat-nikmat yang fana. Mereka terperdaya dengan kekayaan dan kekuatan yang ada pada diri mereka. Budaya hedonisme menetapkan keseronokan, kegembiraan, dan kelazatan sebagai matlamat utama kehidupan. Konsep budaya hedonisme ini menekankan kepada pegangan falsafah hidup yang mementingkan kebebasan manusia yang bertuhankan hiburan. Budaya ini juga berasaskan kepada kemewahan dan keduniaan. Para hedonis bersikap mementingkan diri sendiri serta bersifat individualistik dan materialistik.

Budaya hedonisme juga menjadikan manusia bersifat sombong. Kemewahan yang mereka miliki telah merosakkan fitrah manusia dan menjadikan mereka berperasaan kasar dan sombong. Ia menutup pintu-pintu hati manusia dan menyebabkan hati mereka hilang daya kepekaannya. Sikap tamak dalam mengumpul harta, keinginan untuk hidup mewah, dan bermegah-megah adalah antara faktor yang mempengaruhi seseorang individu terbabit dengan jenayah rasuah. Manusia sering tertarik dengan harta kekayaan dan kemewahan terutama golongan muda. Mereka sangat berminat serta dahagakan kekayaan dan kesenangan, ingin segera menjadi hebat dan terkenal tanpa perlu mengikut prosedur biasa, tidak perlu bersusah payah, berpenat lelah, dan mengeluarkan keringat. Hasrat ini hanya dapat dicapai melalui cara yang salah termasuk rasuah. Rasuah mendatangkan implikasi negatif yang sangat merbahaya kepada individu, masyarakat, dan negara.

Implikasi seterusnya ialah budaya hedonisme menggalakkan manusia melakukan kejahatan. Golongan yang terpengaruh dan berpegang teguh dengan materialisme mengajak manusia supaya memberi keutamaan kepada dunia dan menjadikan dunia ini sebagai matlamat dalam kehidupan. Pendewaan kepada kebendaan dan kekayaan menyebabkan manusia sentiasa menjadikannya sebagai kayu ukur kepada sesuatu tindakan yang diambil. Hubungan sesama manusia tidak berasaskan kepada sifat mulia tetapi berdasarkan kepada nilai kebendaan

yang akan diperoleh. Justeru itu, pada masa ini masyarakat tidak merasa pelik apabila anak-anak menghantar ibu bapa mereka ke rumah kebajikan disebabkan oleh faktor kebendaan.

Budaya hedonisme yang asalnya merupakan satu aliran telah bertukar menjadi sebahagian daripada cara hidup masyarakat moden. Ia menjadi pegangan hidup golongan individu yang mementingkan keseronokan semata-mata tanpa mempedulikan aspek-aspek lain yang lebih penting dalam kehidupan mereka. Mereka turut didorong untuk melakukan sesuatu tindakan yang menyenangkan dan mengelakkan daripada perkara-perkara yang merugikan. Manusia yang terjerumus dalam dunia hedonisme ini hanya bertuhankan kepada nafsu semata-mata. Hari-hari yang mereka jalani hanya bertujuan untuk mengejar dan menambah kekayaan dunia, bermegah dengan pangkat dan kuasa, memuaskan nafsu, berhibur dan berpoya-poya sehingga lupa kepada hakikat sebenar tujuan mereka diciptakan di muka bumi ini. Di samping itu, mereka juga lalai melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota keluarga atau anggota masyarakat.

2.0 INTERVENSI SOSIO PENDIDIKAN

Intevensi merupakan langkah yang perlu diambil untuk menangani sesuatu benda untuk mengelakkan daripada ia terus berlaku. Oleh itu, intevensi telah dilakukan bagi membanteras dan mengawal budaya hedonisme daripada terus berleluasa.

2.1 INTERVENSI SOSIO PENDIDIKAN (SEBELUM)

Dalam bahagian ini, kumpulan kami telah merancang dan menetapkan intevensi awal sebelum pergi ke sekolah kumpulan sasaran. Antara perkara yang telah dibincang dan ditetapkan ialah objektif projek, teori yang menyokong objektif dan bahan atau produk yang bakal kami gunakan pada hari kejadian.

A. OBJEKTIF

Sebelum memulakan projek first year to school, kami telah menetapkan objektif kumpulan untuk dicapai semasa kami berjumpa dengan kumpulan sasaran. Antara objektif tersebut ialah:-

- 1) Menanamkan budaya positif dalam kalangan pelajar
- 2) Menyedarkan para pelajar tentang bahaya hedonisme dalam kalangan masyarakat terutama remaja.
- 3) Mengenalpasti sejauh mana pengetahuan pelajar tentang implikasi gejala hedonisme dan punca hedonisme terus menyerang kalangan masyarakat.
- 4) Memberi penerangan secara jelas dan terperinci mengenai budaya hedonisme dalam kalangan remaja
- 5) Mengubah prestasi pemikiran remaja mengenai bentuk-bentuk hiburan

B. TEORI

Teori merupakan pandangan dan pendapat seseorang yang boleh diguna pakai oleh semua lapisan masyarakat yang boleh dijadikan sebagai rujukan di dalam kehidupan seseorang. Oleh itu, kumpulan kami telah memilih beberapa teori yang sesuai dengan tajuk projek kami iaitu

budaya hedonisme dalam kalangan remaja. Antara teori yang dipilih ialah berdasarkan daripada tokoh;-

1) Erik Erikson (1902-1994)

Kami membuat intervensi mengenai budaya hedonisme dalam kalangan remaja dengan melihat kepada kenyataan dari teori psikososial Erik Erikson. Menurut teori beliau mengenai remaja yang disebut pada tahap kelima iaitu Identiti lawan Kekeliruan. Krisis ini tidak dapat dielakkan dalam kalangan remaja dan dilihat sebagai fasa yang kompleks selain daripada bersifat dinamik. Remaja yang gagal mencapai identiti akan mengalami kekeliruan yang menyebabkan remaja tidak bersedia untuk memberi komitmen dalam tugas, bersikap sambil lewa dan memilih identiti negatif yang boleh mendorong mereka kepada budaya negatif seperti hedonisme. Dengan kata lain, mereka akan mudah terpengaruh dengan orang lain dan terpengaruh dengan intrapersonal yang tidak matang sekiranya identiti gagal dibentuk. Identiti mereka boleh dibentuk dengan adanya perhubungan interpersonal dan intrapersonal yang positif. Oleh itu, kami perlu bijak dalam memilih produk yang dibawa ke sekolah bagi memastikan kami dapat membentuk satu identiti buat diri mereka yang mampu mengubah mereka berfikiran positif dan bertindak dalam kawalan.

2) Lev Vygotsky (1896-1934)

Selain itu, kami turut menggunakan teori Vygotsky bagi mengenalpasti faktor-faktor berlakunya budaya hedonisme dalam kalangan remaja. Seperti yang kita ketahui, Vygotsky menyatakan bahawa manusia mempelajari sesuatu melalui aspek persekitaran. Hal ini bermaksud, perkembangan kognitif serta interaksi sosial ini berlaku dari usia kanak-kanak hingga dewasa. Jika persekitaran positif yang berlaku, manusia akan membesar dengan interpersonal dan intrapersonal yang positif. Namun begitu, sekiranya mereka membesar dalam keadaan dimana kedua-dua ibunya mengamalkan budaya berseronok secara berlebih-lebihan maka secara tidak langsung anak-anak juga akan terkesan dengan situasi ini. Oleh itu, kami dapat membuat senarai mengenai puca-punca remaja yang terlibat dengan budaya hedonisme tanpa mengambil kira batas agama masing-masing.

3) Teori pembelajaran sosial Albert Bandura (1959)

Kami memilih teori ini kerana teori ini memberi penekanan bagaimana perilaku manusia dipengaruhi oleh persekitaran melalui peneguhan dan pembelajaran peniruan. Dengan teori ini, kami dapat mengetahui bahawa perilaku kami didalam kelas mendapat perhatian daripada pelajar atau tidak.

Sebagai contohnya dalam pembelajaran peniruan, terdapat 5 jenis peniruan iaitu peniruan secara langsung dimana pelajar akan meniru tingkah laku yang ditunjukkan oleh model melalui proses pemerhatian. Model ini akan dipilih dalam kalangan pelajar dari kelas yang sama yang mana mempunyai kefahaman yang lebih mendalam mengenai budaya hedonisme untuk berada bersama dengan pelajar yang kurang memahami isu ini. Seterusnya, peniruan tidak langsung, dan juga gabungan. Peniruan secara gabungan ini bermaksud pelajar meniru atau cuba memahami keterangan dari guru. Selain itu, peniruan secara sekat laluan yang mana pelajar meniru sesuatu tingkah laku yang dirasakan sesuai sahaja dan peniruan tak sekat laluan juga antara jenis peniruan yang diperhatikan oleh kami ketika intervensi dijalankan. Peniruan jenis ini, melihatkan pelajar meniru tingkah laku dalam semua situasi di bilik darjah. Sebagai contohnya, pelajar meniru gaya budi bahasa gurunya. Pendek kata, semua jenis pembelajaran secara peniruan ini memberi kesan positif kepada interaksi sosial remaja kerana mereka dapat membentuk kemahiran interpersonal dan intrapersonal yang matang.

C. BAHAN DAN PRODUK

Kami telah melakukan dan membina sebuah multimedia kepada kumpulan sasaran dalam bentuk video bagi memudahkan kami menyampaikan maklumat dengan lebih tepat. Selain itu, kami juga telah merancang beberapa aktiviti yang melibatkan kemahiran intrapersonal dan interpersonal bagi menarik perhatian mereka agar memudahkan kami menyampaikan maklumat yang ingin disampaikan berkaitan hedonisme.

PRODUK

1) Video

Bagi menjayakan intervensi bagi budaya hedonisme dalam kalangan remaja kami telah membuat sebuah video yang berkaitan dengan budaya hedonisme. Paparan video (produk) mengenai budaya hedonisme ditayangkan bagi memberi pemahaman kepada mereka mengenai sejarah hedonisme serta kesan hedonisme kepada remaja, keluarga, masyarakat, agama dan negara. Kami telah memuat naik produk kami ke aplikasi youtube bagi memudahkan pelajar dan sesiapa sahaja melihat produk kami tentang budaya hedonisme. Melalui paparan ini, kami dapat mengetahui bahawa mereka tidak pernah mendengar perkataan hedonisme dan tidak mempunyai sebarang pengetahuan dalam isu yang kami bawakan ini. Dengan produk yang kami lakukan selama lapan minggu ini akan meninggalkan kesan yang mendalam terhadap pelajar di SMK Pekan Baru kerana budaya hedonisme jika tidak dibanteras akan menyebabkan mereka akan leka dengan kesenangan yang melampau.

AKTIVITI

1) Ice Breaking

Dalam sesi ini, kami telah memperkenalkan diri dan meminta semua pelajar untuk memperkenalkan diri dan menceritakan mengenai latar belakang diri mereka. Aktiviti ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara fasilitator dengan pelajar. Secara tidak langsung memudahkan kami untuk membuat pengesanan terhadap tingkah laku serta interpersonal dan intrapersonal remaja.

2) Kenali diri dan Aktiviti Senaman

Sesi ini pula dijalankan dengan pembahagian kertas A4 kepada pelajar untuk mereka membuat lukisan. Oleh itu, kami dapat membuat kesimpulan mengenai lukisan yang dilukiskan itu dan juga dapat melatih mereka untuk berinteraksi kerana selepas lukisan disiapkan mereka perlu menerangkan sebab lukisan itu dibuat. Seterusnya, bagi memastikan mereka tidak bosan, kami telah membuat sedikit senaman ringan untuk mendapatkan perhatian mereka.

3) LDK (Lakonan Dalam Kelas)

Kami telah membentuk 2 kumpulan pelajar untuk melakonkan situasi yang telah disediakan. Lakonan dibuat mengikut kreativiti mereka sendiri. Masa yang diperuntukkan untuk persembahan lakonan selama 5 minit sahaja.

4) Pick Me

Aktiviti ini pula sama seperti aktiviti botol beracun dimana kami telah menyediakan soalan mengenai hedonisme di dalam sebuah balang untuk dijawab oleh pelajar yang mendapat balang tersebut setelah lagu yang diberhentikan.

5) Motivasi

Sesi ini pula diuruskan oleh dua orang mahasiswi untuk memberi motivasi dan juga penerangan mengenai hedonisme dalam aspek-aspek kesan hedonisme dan isu semasa.

6) Refleksi diri.

Refleksi merupakan bahagian terpenting dalam intervensi yang telah kami lakukan kerana setiap program dan intervensi mengenai sesuatu isu memerlukan refleksi dari pelajar yang terlibat dan kami dapat membuat rumusan tahap-tahap kefahaman mereka dengan isu hedonisme dalam kalangan remaja. Kami juga dapat melihat kepincangan kami secara langsung dan tidak langsung dalam menyampaikan maklumat.

2.2 INTERVENSI SOSIO PENDIDIKAN (SEMASA)

Pada 2 Mei 2019, kumpulan kami telah bersetuju untuk ke sekolah kumpulan sasaran iaitu di SMK Pekan Baru yang bertempat di Parit Buntar. Pelaksanaan dijalankan di dalam kelas yang dihadiri pelajar seramai 15 orang pelajar yang mempunyai bangsa yang berlainan iaitu melayu dan india. Kumpulan sasaran kami juga terdiri daripada seorang pelajar yang baru sahaja berpindah dari kelas pemulihan. Terdapat banyak aktiviti yang kami rancang untuk dilakukan bersama pelajar namun akibat kekangan masa dan beberapa masalah yang menimpa, kumpulan kami terpaksa melakukan aktiviti yang lebih penting di mana aktiviti tersebut memberi kesan yang mendalam kepada pelajar di SMK Pekan Baru. Antara aktiviti yang sempat kami lakukan bersama pelajar ialah:-

1) Ice Breaking,

Dalam slot 1 ini iaitu ice breaking, slot ini telah diuruskan oleh Aisyah dan Atirah. Slot ini dipilih kerana kita tidak akan mampu untuk berhubung dengan seseorang jika kita tidak mengetahui pemikiran atau peribadi seseorang. Pengetahuan mengenai peribadi sangat penting supaya kita mampu untuk mengawal keadaan bergantung kepada situasi atau tindak balas yang diberikan. Menurut Gordon Allport (Suryabrata Psikologi Kepribadian 2003), merumuskan bahawa keperibadian seseorang akan membawa dan membimbingnya kepada tingkah laku yang bersangkutan. Slot ini dijalankan dengan melakukan fasilitator memperkenalkan diri daripada segi nama dan negeri kelahiran manakala pelajar sekolah pula memperkenalkan diri daripada segi nama, negeri kelahiran, kenangan manis dan kenangan pahit. Menerusi perkenalan daripada segi kenangan manis dan kenangan pahit itu, maka kami dapat mengetahui secara ringkas akan kisah silam mereka, hal ini juga membuatkan kami lebih rapat apabila mereka mula untuk bergelak ketawa semasa menceritakannya. Perkara ini juga secara tidak langsung menyebabkan mereka lebih kenal antara satu sama lain, kerana soalan itu merupakan soalan yang jarang ditanya kepada kawan-kawan mereka.

2) Kenali Diri

Sebelum kami meneruskan kepada aktiviti yang kedua iaitu kenali diri, kami terlebih dahulu memberi tahu tujuan kami hadir ke sekolah mereka adalah untuk menerangkan tentang satu topik yang telah kami kaji selama lapan minggu dan kami harus melakukan intervensi berkaitan dengan hedonisme kepada mereka. Kami hanya menerangkan secara ringkas mengenai topik itu lalu mengedarkan kertas kepada mereka dengan menyuruh mereka melukis apa yang bermain di fikiran mereka. Para pelajar amat kreatif dalam melukis di mana mereka melukis pelbagai barang yang bermain di fikiran mereka. Perkara ini kami laksanakan untuk kami mengetahui apa yang sedang berada dalam fikiran mereka dan sejauh mana fokus mereka terhadap intervensi ini. Selepas mereka siap melukis, kami meminta mereka menulis apa yang mereka fahami mengenai tajuk hedonisme ini supaya kami dapat menguji tahap pemikiran dan pemahaman mereka sebelum kami menerangkan dengan lebih mendalam.

3) Tayangan Video (PRODUK)

Aktiviti yang seterusnya ialah dengan menunjukkan tayangan video yang telah dibuat oleh Syafiq mengenai penerangan apa itu hedonisme, contoh-contoh hedonisme yang berlaku dikalangan masyarakat kini misalnya, minum arak, tidak menutup aurat, terlalu berhibur dan sebagainya. Video ini ditayangkan dahulu sebelum kami membuat penerangan kerana kami ingin mereka mempunyai sifat ingin tahu yang tinggi untuk mengetahuinya dengan lebih mendalam. Sifat ingin tahu yang tinggi inilah yang menyebabkan pengekalan fokus mereka sepanjang intervensi dijalankan. Pada tahap usia mereka 13 tahun ini, menurut Jean Piaget, mereka sedang berada pada peringkat Operasi Formal, dimana mereka sudah mampu untuk berfikir mengenai sesuatu perkara secara logik dan berkebolehan dalam penaakulan, deduktif, hepotetikal dan berfikir seperti saintis. Maka, untuk mencungkil atau bagi mengembangkan tahap ini, maka kami memilih untuk membiarkan mereka melihat dan membaca dahulu mengenai tajuk ini menerusi video yang telah ditayangkan.

4) Pick Me Up (BOTOL BERACUN)

Slot seterusnya ialah slot Pick Me Up, slot ini dijalankan dengan melakukan aktiviti latihan dalam kumpulan (LDK). Kumpulan yang dibentuk adalah berdasarkan kedudukan oelajar di dalam kelas. Mereka telah dibahagi kepada tiga kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai lima orang ahli. Slot ini dijalankan dengan meletakkan soalan yang berkaitan dengan hedonisme dan soalan-soalan selingan untuk menceriakan lagi keadaan dan soalan-soalan tersebut disimpan di dalam sebuah kotak. Kotak itu akan diberikan kepada orang lain sambil muzik dimainkan. Apabila muzik berhenti, maka siapa yang memengangnya perlu memilih satu soalan untuk dijawab. Tujuan kami melaksanakan tugas ini ialah untuk mengetahui sejauh mana tahap pemikiran dan kepekaan mereka terhadap sesuatu isu. Selepas mereka cuba menjawab soalan yang diajukan, kami akan membuat penerangan dengan lebih jelas supaya mereka lebih faham akan apa yang ingin disampaikan. Selain itu daripada dapat meningkatkan ilmu pengetahuan, tujuan kami melakukan aktiviti ini supaya dapat meningkatkan kepekaan, ketangkasan dan fokus mereka dalam memberikan kotak tersebut kepada orang disebelah mereka.

5) Refleksi

Kami meneruskan intervensi dengan melakukan slot seterusnya yang dinamakan, slot refleksi. Slot ini telah dilaksanakan dengan mengedarkan borang refleksi untuk diisi oleh para pelajar. Objektif slot ini ialah supaya kami dapat mengetahui tahap kefahaman mereka dengan lebih jelas setelah diberi penerangan yang lebih terperinci. Melalui borang ini juga kami ingin mengetahui sejauh mana keberkesanan intervensi yang telah kami jalankan ini dan sejauh mana ianya memberi kesan kepada pelajar tersebut. Kami juga ada menarik beberapa orang pelajar untuk berkongsikan mengenai apa yang difahaminya sepanjang program ini dijalankan. Kami akhirkkan program ini dengan sedikit kesimpulan yang telah disampaikan oleh Fikrah dan kawan-kawan lain supaya mereka lebih jelas mengenai tajuk yang kami sampaikan ini.

2.3 INTERVENSI SOSIO PENDIDIKAN (SELEPAS)

Setelah kami melakukan penerangan kepada pelajar SMK Pekan Baru, kami telah melihat beberapa kesan yang positif sepanjang aktiviti yang kami jalankan kepada pelajar. Sepanjang projek ini berjalan, kami telah berjaya mendapat dan mengumpul data untuk membolehkan kami menganalisis kejayaan projek kami tentang hedonisme. Antara data dan maklumat yang dapat dikumpul bermula daripada minggu 1 sehingga minggu 13 ialah:-

1) Ahli Jawatankuasa Pelaksanaan Projek

Penasihat : Dr. Haji Norawi

Pengarah : Nurul Fikrah Binti Aziz

Timbalan pengarah: Nur Farah Izzati Binti Md Zain

Video Editor : Mohd Noor Syafiq Bin Nor Hisham

AJK pelaksana : i) Nurul Hanaa' Binti Khadri

ii) Nuraisyah Binti Latfi Amin

iii) Siti Nur Atirah Binti Nordin

2) Perbelanjaan

Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan

Pendapatan RM	Perbelanjaan RM
Pungutan yuran setiap ahli (RM4 per ahli)	Barangan yang digunakan untuk aktiviti : a) Kertas A4 b) Hadiah
Jumlah : RM 20	Jumlah : RM 20

3) Perancangan : Jadual Pelaksanaan Projek

Jadual di bawah menunjukkan jadual di mana kumpulan kami telah lakukan penambahbaikan tentang projek kami iaitu dari minggu satu sehingga minggu 13.

MINGGU/ AKTIVITI	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Taklimat tentang Program	■													
Memfokuskan projek satu elemen dalam perkembangan intrapersonal dan interpersonal remaja.		■												
Pemilihan isu dan produk bermula dibina oleh kumpulan.			■											
Menyatakan Isu psikososial remaja dan perkaitan dengan budaya hedonisme				■										
Memberikan teori sokongan bagi isu budaya hedonisme					■									
Mempersembahkan Kerangka konseptual						■								
Mempersembahkan pelan pembinaan projek							■							
Proses pembinaan dan pemantapan program dan produk								■						
Penambahbaikan dan pemantapan dalam intervensi									■					
Mempersembahkan intervensi yang sudah dimantapkan										■				
Pembentangan produk kepada kumpulan sasaran di SMK Pekan Baru											■			
Penghasilan Laporan												■	■	
Pembentangan dalam kumpulan tutorial														■
Penghantaran Laporan														■

JADUAL 1: Tempoh Yang Diambil Untuk Menyiapkan Projek Dan Laporan

4) Aktiviti Program

i. Ice Breaking Dan Kenali diri



GAMBAR 1: Sesi Ice Breaking

Hasil yang dapat dilihat daripada aktiviti ini ialah kami mengenali dengan lebih rapat lagi dan mengenali antara satu sama lain. Kami juga dapat mengetahui nama serta pengalaman pahit dan manis setiap pelajar dan kebanyakannya kenangan pahit mereka adalah jatuh basikal atau mendapat keputusan matematik yang rendah. Kenangan manis mereka pula ialah mendapat telefon pintar yang dihadiahkan oleh ibu bapa mereka dan mendapat keputusan yang cemerlang ketika UPSR. Para pelajar sangat menghargai setiap pemberian atau pencapaian yang diperolehi oleh mereka. Setiap pelajar juga akan sentiasa mengingati peristiwa yang menyakitkan. Selain itu, kami dapat menghuraikan sedikit sebanyak tentang tajuk yang kami bawa pada hari kejadian. Selepas diberitahu tentang tajuk kumpulan kami iaitu hedonisme. Kami juga telah menceritakan definisi, kesan dan faktor hedonisme secara kasar kepada semua pelajar. Kami telah menyuruh pelajar untuk menulis di atas kertas yang kami sediakan tentang apa yang mereka faham tentang hedonisme. Ada pelajar yang dapat memberitahu definisi hedonisme dengan baik dan masih terdapat juga pelajar yang masih keliru dengan tajuk tersebut. Selepas diterangkan dengan lebih terperinci, pelajar-pelajar sudah mula memahami sedikit tentang tajuk yang kami bawa dan dapat memberikan contoh-contoh hedonisme tersebut. Para pelajar juga dapat memahami apa yang ingin kami sampaikan. Kesimpulannya, para pelajar sedikit bingung pada awalnya ketika kami cuba untuk memperkenalkan isu yang kami ingin sampaikan, namu selepas diberi pengenalan serta definisi hedonisme itu barulah pelajar-pelajar mula memahami dan dapat mengikuti aktiviti yang seterusnya.

ii. Tayangan Video Pendek



GAMBAR 2: Sesi Tayangan Video (PRODUK)

Aktiviti yang seterusnya adalah tayangan video pendek yang berkaitan dengan hedonisme. Di dalam video tersebut telah memberitahu tentang faktor hedonisme, kesan hedonisme terhadap golongan remaja terutamanya, mengapa berlakunya hedonisme dan banyak lagi. Selepas video ditayangkan, setiap pelajar diminta untuk meberikan contoh, faktor dan kesan hedonisme. Para pelajar dapat menyatakan contoh, faktor dan kesan hedonisme dengan baik dan betul. Oleh itu, dapat dirungkaikan bahawa semua pelajar semakin memahami dengan apa yang kami ingin sampaikan. Setelah video ditayangkan barulah pelajar lebih memahami tentang isu yang kami bawa dengan lebih jelas. Dengan ada gambaran dalam bentuk ilustrasi atau grafik lebih mudah untuk pelajar memahami isu tersebut.

iii. Permainan Botol Beracun



GAMBAR 3: Aktivit Pick Me Up (BOTOL BERACUN)

Setiap pelajar perlu menyertai permainan ini dan harus menjawab soalan-soalan yang diberikan. Permainan ini dijalankan hanya di dalam kelas sahaja. Setiap soalan yang diberikan adalah yang berkaitan dengan isu hedonisme. Contohnya, pelajar dikehendaki memberikan contoh hedonisme, berikan golongan yang terlibat dengan hedonisme dan banyak lagi. Lagu akan dimainkan dan pelajar akan memberikan botol tersebut kepada kawan sebelah. Ketika lagu berhenti, siapa yang memegang botol tersebut perlu menjawab soalan yang disediakan. Jawapan yang mereka berikan adalah berdasarkan pengetahuan dan ilmu yang telah diberikan semasa aktiviti yang sebelumnya. Aktiviti ini dapat menarik perhatian pelajar untuk lebih peka dan memerlukan mereka berfikir untuk menjawab soalan-soalan tersebut. Hal ini juga dapat menambahkan pengetahuan mereka tentang hedonisme selain dapat berhibur. Permainan ini dapat menghilangkan bosan mereka dan memberikan keseronokan.

iv. Motivasi



GAMBAR 4: Sesi Motivasi

Selepas aktiviti permainan tersebut, salah seorang ahli kumpulan kami akan memberikan sedikit input tambahan tentang hedonisme. Perkara yang dapat dikatakan adalah setiap pelajar semakin berminat ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang hedonisme ini. Motivasi ini dilakukan bagi untuk membantu pelajar memahami dengan lebih dalam. Terdapat segelintir pelajar yang nampak bersungguh-sungguh mendengar dan masing-masing mencuba untuk menjawab soalan diberikan. Sesi motivasi diteruskan dengan memberi pelbagai input tambahan yang berguna. Selain itu, terdapat juga perkongsian ilmu antara ahli kumpulan kami dengan segelintir pelajar yang memberikan pendapat mereka. Sesi motivasi yang sedang berlaku lebih kepada menyuarakan pendapat dan pandangan sama ada dari ahli kumpulan kami mahu pun dari dalam diri setiap pelajar. Kami memberi peluang kepada pelajar untuk menyuarakan isi hati mereka tentang isu hedonisme ini mengikut pandangan masing-masing. Oleh itu, dapatlah kami mengetahui tahap pemahaman pelajar mengenai tajuk ini. Selepas sesi ini berakhir, pelajar-pelajar semestinya mendapat maklumat tambahan yang baru. Selain itu, semua pelajar turut mendapat peluang untuk menyuarakan pendapat sendiri dan mendapat maklum balas tentang pendapat tersebut. Motivasi ini dilakukan untuk mengetahui pemahaman setiap pelajar tentang hedonisme. Kesimpulannya, objektif bagi aktiviti tercapai apabila mendapat maklum balas yang positif dari semua pelajar dan dapat menambah ilmu pengetahuan kepada mereka.


3.0 PERBINCANGAN DATA DAN MAKLUMAT

3.1 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Tujuan dapatan kajian dan perbincangan diadakan adalah untuk melihat maklumat yang telah diberikan dengan lebih terperinci lagi dan memudahkan proses untuk menganalisis data-data yang diberikan. Keputusan borang soal selidik yang telah diisikan oleh 15 pelajar ini akan dikumpul, dijadualkan dan akan dibuat pengiraan untuk melihat kekerapan mutlak dan peratusan.

1. MAKLUMAT PELAJAR

	LELAKI	PEREMPUAN
BILANGAN	5	10
PERATUSAN (%)	33	67




JADUAL 2 DAN CARTA 1: Pelajar Mengikut Jantina

Jadual 2 dan Carta 1 menunjukkan jantina bagi pelajar di sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Baru. Dapatan kajian menunjukkan 15 orang pelajar telah di soal selidik, seramai 5 orang pelajar iaitu sebanyak 33% menunjukkan jantina bagi lelaki manakala seramai 10 orang pelajar iaitu sebanyak 67% menunjukkan jantina bagi perempuan. Hal ini menunjukkan jantina bagi perempuan lebih tinggi kekerapan dan peratusannya kerana sebahagian besar ahli kumpulan yang kami pilih terdiri daripada pelajar perempuan serta mereka lebih mudah memberikan kerjasama untuk membantu kumpulan kami dalam menjalankan tugas ini dengan menjawab semua soalan soal selidik yang diberikan. Walau bagaimanapun, bilangan lelaki yang sedikit juga telah memperkuat lagi maklumat-maklumat berkaitan budaya hedonisme. Kami mudah untuk menerangkan budaya hedonisme kepada pelajar kerana kami mendapati golongan perempuan lebih cenderung untuk terjebak dengan budaya ini.

2. Tempat Berlakunya Budaya Hedonisme

Tempat	bilangan	Peratus (%)
Kompleks beli belah	9	60
Panggung wayang	3	20
Sekolah	1	7
Pusat karaoke	2	13



JADUAL 3 DAN CARTA 2: Jenis Tempat Selalu Berlaku Budaya Hedonisme

Jadual 3 dan carta 2 di atas menunjukkan kawasan yang selalu pelajar SMK Pekan Baru selalu menghiburkan diri apabila mengalami tekanan. Berdasarkan carta di atas, sebahagian besar pelajar sekolah tersebut berhibur di pusat beli belah iaitu sebanyak 60% berbanding dengan mereka yang berhibur di tempat lain. Hal ini menunjukkan bahawa mereka terlibat budaya ini kerana pengaruh rakan-rakan mereka iaitu mereka hanya menurut kata rakannya untuk ke pusat beli belah untuk menghilangkan tekanan belajar. Kebanyakan mereka yang terlibat ini adalah kerana mereka bosan dengan pembelajaran guru dalam sesuatu subjek tertentu menyebabkan mereka akan melakukan perkara yang akan memuaskan naluri dan perasaan mereka. Walau bagaimanapun, bagi pelajar yang berhibur di sekolah adalah mereka akan menghabiskan masa mereka di Cyber Cafe yang berhampiran sekolah dengan bermain game di sana.

3. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Dalam Budaya Hedonisme

Bil	Faktor-faktor pelajar SMK Pekan Baru terjebak dengan budaya hedonisme	YA		TIDAK		PURATA
		NM	NP	NM	NP	
1	Adakah hiburan di televisyen menghiburkan anda	13	87%	2	13%	11.53
2	Adakah anda suka keluar ke pusat beli belah pada hujung minggu	12	80%	3	20%	10.20
3	Adakah pendapat anda hiburan merupakan jalan terbaik hilangkan stress	15	100%	0	0%	15.00
4	Adakah anda menghadapi masalah keluarga	9	60%	6	40%	7.80
5	Adakah anda menghadapi masalah dengan rakan sebaya	7	47%	6	40%	5.67
6	Adakah anda sering tertekan	14	93%	1	7%	13.13

JADUAL 4 : Faktor-faktor Budaya Hedonisme

Jadual 4 di atas merupakan dapatan maklumat yang diperolehi daripada intervensi di SMK Pekan Baru. Jadual tersebut menunjukkan beberapa faktor pelajar SMK Pekan Baru ini terjebak dengan budaya hedonisme. Daripada 6 faktor yang dinyatakan, faktor ketiga iaitu budaya hedonisme berlaku adalah kerana individu tersebut menganggap hiburan merupakan jalan terbaik untuk hilangkan stress telah mendapat sokongan majoriti daripada para pelajar iaitu peratusan sebanyak 100% atau dengan kata lain, kesemua pelajar telah bersetuju dengan faktor tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa mereka sememangnya mempunyai tekanan semasa proses pembelajaran berlaku justeru mereka memerlukan sesuatu hiburan untuk menghilangkan tekanan yang mereka hadapi. Mereka hanya memerlukan hiburan untuk menghilangkan tekanan yang mereka hadapi lalu tidak sempat untuk memikirkan akibat yang mungkin mereka hadapi.

Remaja merupakan seorang individu yang lemah dan mudah terikut-ikut dalam melakukan sesuatu perkara terutama mengikut rakan-rakan mereka. Oleh itu, remaja kini mengambil jalan yang mudah untuk menghilangkan stress mereka dengan melakukan budaya yang negatif serta yang boleh melalaikan seseorang dalam menjalankan tanggungjawab mereka terutama sebagai pelajar. Menurut Erik Erikson, remaja berada pada tahap kelima yakni tahap mencari identiti vs kekeliruan. Dapat dinyatakan bahawa jika seseorang remaja berada dalam kalangan orang yang bermasalah, mereka akan mengalami kekeliruan dalam mencari identiti mereka menyebabkan mereka terikut dengan perangai dan tingkah laku yang berada di sekitar mereka. Berbeza pula dengan seseorang remaja yang berada dalam kalangan orang yang baik. Ini menyebabkan mereka akan cepat untuk mencari identiti mereka yang tersendiri. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa budaya hedonisme dapat dikawal dan dibanteras sekiranya remaja kini didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang sihat dan hiburan-hiburan yang tidak melalaikan mereka sebagai remaja.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROGRAM INTERVENSI

Sebagai penambahbaikan untuk projek Intervensi *'First Year to School'* yang seterusnya bagi kursus Perkembangan Intrapersonal dan Interpersonal Remaja (PGA102), kami telah mengkaji beberapa aspek yang perlu diperbaiki.

Pertama sekali, setiap ahli kumpulan perlulah memberi kerjasama ketika perbincangan tidak kira perbincangan secara atas talian ataupun perbincangan secara bersemuka. Hal ini bagi memudahkan urusan kerana setiap idea dari ahli kumpulan sangat penting agar intervensi yang dibuat bagi mengatasi budaya Hedonisme ini dapat dijalankan dengan baik.

Selain itu, intervensi yang baik dapat dijalankan sekiranya pihak sekolah ataupun pihak Majlis Tertinggi Projek berusaha untuk mendapatkan alatan yang lengkap. Sebagai contohnya, penggunaan LCD sangat penting bagi tujuan paparan video kepada pelajar. Apabila alatan seperti ini tidak dapat disediakan proses intervensi agak terganggu. Bertitik tolak daripada itu juga, mesej yang ingin disampaikan tidak dapat disampaikan dengan jelas. Perkara seperti ini seharusnya dielakkan daripada berlaku bagi memastikan kelangsungan projek.

Kesimpulannya, semua masalah ini mempunyai jalan penyelesaiannya dan setiap cadangan yang dikemukakan diharap dapat diberi perhatian agar projek intervensi sebegini pada semester-semester seterusnya dapat dijalankan dengan lebih baik. Oleh itu, kita dapat melihat anjakan paradigma yang dilakukan dalam Perkembangan Intrapersonal dan Interpersonal Remaja (PGA102).

3.2 KESIMPULAN

Kesimpulannya, projek yang telah kami laksanakan di SMK Pekan Baru, Parit Buntar, Perak terhadap sekumpulan pelajar disekolah tersebut adalah bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada mereka berkaitan gejala hedonisme dan kesannya. Sejak kebelakangan ini, gejala hedonisme semakin menjadi jadi dan banyak melibatkan para remaja di sekolah menengah. Oleh hal demikian, hati kami telah terdetik untuk membawakan tajuk ini untuk diberikan penerangan dengan lebih mendalam kepada para remaja yakni pelajar sekolah yang berada di sekolah menengah.

Kumpulan kami telah memilih untuk menjalankan aktiviti penerangan seperti aktiviti menayangkan sebuah video yang boleh memberi pemahaman yang lebih mendalam kepada para pelajar di sekolah tersebut. Perkara ini hendaklah difahami dengan sebaiknya oleh para pelajar agar mereka dapat menghindari dan berwaspada tentang gejala hedonisme ini. Hal ini kerana pencegahan awal perlulah bermula dengan remaja semasa mereka masih di peringkat sekolah lagi kerana remaja merupakan insan yang sedang membesar dan masih belum cukup matang. Mereka mudah terjebak dengan pengaruh negatif kerana tidak memikirkan tentang risiko yang akan dihadapi oleh mereka. Justeru kami lakukan aktiviti intervensi ini untuk mulakan langkah pencegahan awal di peringkat sekolah.

Kami berasa bersyukur kerana aktiviti kami tentang gejala hedonisme ini mendapat respon yang baik daripada semua pihak. Remaja perlulah dibimbing dan diberikan perhatian yang sewajarnya agar mereka tidak melakukan perkara-perkara yang negatif kerana mereka merupakan individu yang mudah terpengaruh kerana mereka masih keliru tentang identiti mereka sendiri. Oleh itu, aktiviti yang dijalankan oleh kami adakah satu langkah wajar dilakukan untuk memberi kesedaran kepada mereka akan keburukan hedonisme. Diharapkan pelajar-pelajar mengambil pengajaran daripada apa yang telah kami sampaikan agar mereka menjadi insan yang berguna untuk negara kita di masa hadapan.

4.0 REFLEKSI

i. REFLEKSI KUMPULAN

Pada 2 Mei 2019, satu program First Year To School di bawah subjek PGA 102, Perkembangan Intrapersonal dan Interpersonal Remaja telah diadakan bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Baru. Tujuan program ini dijalankan adalah kerana ingin mengenali dan mendalami isi hati kumpulan sasaran dengan lebih dekat berdasarkan tajuk yang diberi.

Kumpulan kami telah memilih tajuk hedonisme dimana budaya ini sangat berkait rapat dengan remaja zaman sekarang khususnya mereka yang berada di peringkat sekolah menengah. Kumpulan sasaran kami adalah terdiri daripada para pelajar yang berumur dalam lingkungan tiga belas tahun. Mereka merupakan golongan pelajar yang baru sahaja menamatkan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Para pelajar ini, mempunyai banyak masa terluang selepas tamatnya peperiksaan tersebut. Ekoran daripada itu, mereka adalah merupakan golongan yang berkemungkinan besar melibatkan diri dalam budaya yang tidak sihat iaitu hedonisme.

Umum mengetahui bahawa remaja kini lebih dekat dengan dunia keseronakan seperti membeli belah, melepak, bermain gajet dan sebagainya. Oleh sebab itu, kami telah memilih untuk menggunakan video sebagai produk kami bagi menyampaikan tajuk kami iaitu budaya hedonisme kepada kumpulan sasaran. Perkara ini juga memudahkan mereka untuk menonton semula produk kami menggunakan telefon mereka. Hal ini secara tidak langsung membolehkan kumpulan sasaran untuk menerima produk kami dengan minda yang terbuka.

Sebelum produk kami ditunjukkan kepada kumpulan sasaran, kami telah mengambil langkah utama untuk melakukan aktiviti iaitu “bonding time” bagi mengenali intrapersonal dan interpersonal kumpulan sasaran. Kami mengetahui bahawa apabila aktiviti ini dilakukan, maka mereka akan mudah mesra dan membolehkan mereka untuk menerima produk yang akan kami sampaikan. Para pelajar pada mulanya menunjukkan riak wajah yang kurang bersemangat kerana mereka berasa aktiviti ini membosankan. Terdapat juga pelajar yang kelihatan kekok dan tidak berkeyakinan untuk memulakan perbualan dengan kami. Pada mulanya agak sukar untuk kami mengendali kumpulan sasaran ini kerana mereka kelihatan tidak tertarik dengan aktiviti yang kami ingin lakukan. Tambahan pula, itu adalah kali pertama kami bertemu dengan mereka. Kami juga berasa bimbang tidak mampu meneruskan tugas dengan baik. Namun semasa aktiviti “bonding time” ini dijalankan mereka kelihatan sangat seronok dan memberi

kerjasama yang baik. Mereka juga kelihatan semakin selesa dengan kami dan tidak lagi malu untuk bercakap dan melontarkan idea.

Berdasarkan aktiviti ini, kami telah berjaya mengenali satu demi satu pelajar dalam kumpulan sasaran tersebut. Kami juga dapat mengetahui latar belakang diri dan keluarga mereka yang secara tidak langsung memudahkan lagi perjalanan kami untuk menyampaikan input yang terkandung dalam produk kami.

Kumpulan sasaran ini telah memberikan sepenuhnya perhatian terhadap produk yang kami hasilkan. Tumpuan tersebut telah menimbulkan pelbagai persoalan dalam fikiran yang menyebabkan mereka bertindak untuk bertanya mengenainya selepas video itu tamat dalam sesi soal jawab. Ketika menonton produk kami, kumpulan sasaran ini dapat mengetahui maksud hedonisme dengan jelas. Mereka menyatakan bahawa contoh hedonisme mempunyai definisi yang sangat luas, iaitu bukan sahaja melihat hiburan, tetapi merokok, mengambil dadah dan lepak yang berpanjangan merupakan contoh aktiviti hedonisme. Kumpulan sasaran ini juga telah menyatakan bahawa mereka banyak terlibat dalam aktiviti budaya hedonisme. Sebahagian daripada rakan-rakan mereka turut terlibat dalam budaya hedonisme.

Mereka juga cuba untuk memahami dan mendalami komponen yang dimainkan di dalam produk tersebut. Hal ini demikian kerana, komponen-komponen tersebut adalah merupakan komponen yang dialami oleh mereka di alam realiti. Berdasarkan video tersebut, kumpulan sasaran ini juga dapat mengetahui punca budaya hedonisme semakin meluas. Mereka sendiri sudah mengetahui punca budaya hedonisme yang salah satunya adalah kurang didikan agama dan moral. Menurut kumpulan sasaran, apabila kurang didikan agama dan moral, mereka tidak mampu untuk menahan naluri dan kehendak mereka dan ini akan menjurus mereka mencari hiburan yang menyebabkan mereka leka dan lalai sehingga mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai pelajar. Kumpulan sasaran ini sebenarnya mempunyai kesedaran mengenainya namun sifat endah tak endah menyebabkan mereka meneruskan gejala negatif ini. Tambahan pula, pengaruh rakan sebaya menyebabkan mereka mudah terikut-ikut dengan budaya yang tidak sihat ini.

Semasa produk kami ditayangkan ada juga pelajar yang menyatakan bahawa mereka tidak pernah mempunyai budaya hedonisme walaupun sudah berkali-kali dihasut oleh rakan yang lain. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pelajar tersebut mempunyai pendirian yang tetap dan tidak mudah dipengaruhi. Namun terdapat hanya segelintir pelajar sahaja yang tergolong dalam golongan tersebut. Justeru produk yang dihasilkan oleh kami

adalah sangat bersesuaian untuk memberi kesedaran secara menyeluruh mengenai budaya hedonisme kepada kumpulan sasaran.

Sepanjang perjalanan program ini banyak pengalaman dan ilmu baru yang dapat kami gunakan untuk perbaiki diri sendiri pada masa hadapan. Program ini juga telah membantu kami meningkatkan keyakinan diri, berdiri di hadapan dan berkomunikasi dengan orang ramai. Pengalaman dan ilmu ini akan kami gunakan semasa bergelar seorang guru kelak.

Selepas produk kami ditayangkan, kumpulan sasaran kami telah menunjukkan kefahaman terhadap input yang kami ingin sampaikan. Kami juga mengadakan sesi soal jawab melalui aktiviti kedua dan ketiga berdasarkan video yang telah ditayangkan. Bagi mengukuhkan lagi kefahaman kumpulan sasaran mengenai budaya hedonisme, kami telah melakukan aktiviti botol beracun di mana kami telah memasang lagu dan memberikan satu botol dan diagihkan kepada mereka. Apabila muzik berhenti, pelajar yang memegang botol harus mengambil satu soalan dan menjawab soalan tersebut. Soalan yang dibina oleh kami adalah berkaitan tentang hedonisme yang terdapat dalam produk kami bagi memastikan kumpulan sasaran betul-betul memahami perkara yang disampaikan oleh kami.

Tujuan kami melakukan aktiviti ini adalah ingin mengetahui samada input yang kami sampaikan telah diperoleh oleh kumpulan sasaran atau sebaliknya. Setelah lima pusingan, kami mendapati sebahagian kumpulan sasaran telah memahami produk yang kami hasilkan. Mereka berjaya meneka komponen yang terdapat dalam produk kami. Kami telah mengambil keputusan untuk menjadikan langkah mengatasi budaya hedonisme sebagai aktiviti ketiga ini. Hal ini secara tidak langsung, dapat membantu kumpulan sasaran untuk mengetahui dengan lebih mendalam cara untuk mengelak diri mereka daripada terjebak dalam budaya hedonisme dan memahami mengapa mereka perlu menghindarinya. Menurut kumpulan sasaran tersebut, aktiviti ini bukan sahaja menyeronokkan kerana melibatkan rakan-rakan mereka, namun mereka juga dapat melihat kreativiti kami dalam menyampaikan produk yang dihasilkan.

Secara hakikatnya kumpulan sasaran ini tidak puas untuk bermain permainan ini kerana dapat membuka minda mereka untuk menerima ilmu melalui aktiviti sebegini. Mereka juga memberitahu bahawa produk kami memberikan kesan yang mendalam kepada mereka, kerana telah menyedari tujuan utama mereka menghadirkan diri ke sekolah dan menuntut ilmu. Mereka juga menyatakan hasrat ingin menjadi seperti kami, iaitu berjaya meneruskan pelajaran ke peringkat universiti. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi motivasi kepada kumpulan sasaran bahawa jika mereka ingin berjaya, mereka perlu mengelakkan diri daripada terjebak

dalam budaya hedonisme. Produk kami juga telah membantu kumpulan sasaran mengenggam azam baru dan memberi inspirasi kepada mereka untuk berjaya.

Berdasarkan aktiviti tersebut, terdapat pelajar yang menjawab kesan budaya hedonisme kepada pelajar apabila tidak dikawal. Antaranya adalah kesan kepada emosi dan rohani. Ada juga pelajar yang menyatakan bahawa mereka bertindak untuk melakukan budaya hedonisme sebagai sebahagian dari hidup mereka kerana tekanan di sekolah dan di rumah.

Tekanan di sekolah seperti subjek yang diambil susah dan tidak dapat memberi sepenuhnya tumpuan kepada pembelajaran. Selain itu, terdapat juga pelajar yang memberitahu bahawa guru sendiri tidak kreatif dalam menarik pelajar untuk belajar suatu subjek tersebut. Mereka juga mengatakan bahawa pengajaran satu hala, iaitu hanya bergantung kepada guru sahaja menyebabkan mereka berasa ingin tidur di dalam kelas.

Tekanan di rumah adalah apabila mereka kurang mendapat perhatian dan kasih sayang keluarga. Menurut kumpulan sasaran tersebut mereka memberitahu bahawa ibu bapa juga menjadi punca mengapa mereka bertindak untuk terjebak dengan budaya hedonisme. Hal ini demikian kerana, mereka memberitahu bahawa sesetengah ibu bapa sibuk bekerja sehingga tidak sempat membangunkan mereka pada waktu pagi untuk pergi ke sekolah. Hal ini secara tidak langsung mendorong mereka untuk tidak menghadirkan diri ke sekolah yakni ponteng dan keluar melepak dengan rakan-rakan mereka. Apa yang saya dapat simpulkan adalah, kumpulan sasaran ini sebenarnya telah mengetahui sebab utama mengapa mereka bertindak untuk terjebak dengan budaya hedonisme, namun mereka tidak mendapat sebarang dorongan mahupun sokongan daripada insan sekeliling yang menyebabkan mereka tidak menyedari bahawa mereka sedang melakukan kesalahan.

Kesimpulannya, melalui produk ini saya dan ahli kumpulan saya telah mendapat pengalaman dan ilmu baru dalam bidang pendidikan yang akan membantu kami dalam memperbaiki dan mempersiapkan diri dalam menempuh alam pendidikan kelak. Program ini juga telah membuka ruang kepada kami untuk merapatkan hubungan dengan pihak sekolah dan hubungan antara sesama kami. Diharap juga para pelajar kumpulan sasaran di Sekolah Menengah Kebangsaan pekan baru dapat mencegah budaya hedonisme dalam kalangan mereka agar dapat mencapai kecemerlangan dari sudut akademik dan kokurikulum.

ii. REFLEKSI INDIVIDU

1) NURUL HANAA BINTI KHADRI (141297)

Pada hari Khamis, 2 Mei 2019, kami dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) yang mengambil subjek PGA 102 iaitu Perkembangan Interpersonal dan Intrapersonal Remaja telah berangkat ke Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Baru, Perak. Sekalung penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Prof Madya Dr Aswati Hamzah dan Dr Haji Norawi Ali dalam memberi saya tunjuk ajar serta peluang untuk menimbapengalaman baru di sekolah. Tujuan kami ke sekolah tersebut adalah untuk mengkaji interpersonal dan intrapersonal remaja pada masa kini yang semakin mencabar. Selain itu, kami juga ingin memberi kesedaran kepada pelajar tentang bahayanya hedonism dalam kalangan remaja. Budaya hedonisme ini sering dipaparkan di media massa namun tidak diambil peduli dan ia semakin membimbangkan semua lapisan masyarakat. Oleh itu, kumpulan kami telah mengambil isu Budaya Hedonisme sebagai tajuk kajian.

Setibanya kami di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Baru, Perak pada jam 8.30 pagi, kami diminta untuk tunggu sebentar bagi menyelesaikan satu isu salah faham komunikasi. Namun, dengan izin Allah semuanya selesai dengan lancarnya. Kemudian selepas waktu rehat murid-murid pukul 10.30 pagi, pihak sekolah telah memberikan kami satu kelas kepada satu kumpulan. Kami mendapat murid dari kelas tingkatan 1 Bestari iaitu kelas kedua daripada lima kelas. Kelas tersebut terdiri daripada 15 orang iaitu 10 perempuan dan 5 lelaki.

Aktiviti pertama yang dijalankan adalah ice breaking iaitu sesi memperkenalkan diri setiap pelajar dan setiap ahli kumpulan kami yang menjadi fasilitator semasa program itu berlangsung. Setelah selesai aktiviti suai kenal, kami mengedarkan kertas kepada mereka bagi tujuan awal kefahaman mereka tentang budaya hedonism di Malaysia.

Mengikut perancangan ahli kumpulan kami, selepas sesi suai kenal kami akan menayangkan video yang dihasilkan oleh kumpulan kami kepada pelajar-pelajar dibawah kelolaan kami. Dalam video tersebut, kami memberi penekanan terhadap defines, punca-punca berlakunya kes hedonism, kesan kepada pelbagai pihak dan langkah-langkah mengatasi. Selepas penayangan video, kami telah menyediakan beberapa aktiviti kepada pelajar iaitu 'Kotak Beracun'. Aktiviti ini dimainkan dengan cara kotak akan diedarkan seorang demi seorang sepanjang muzik dijalankan, apabila muzik tersebut berhenti, murid yang memegang kotak tersebut diminta untuk mengambil salah satu gulungan kecil kertas dan membacanya

dengan kuat supaya rakan-rakannya turut dapat mendengar dan membantu murid tersebut untuk menjawab soalan yang tertera dalam kertas tersebut. Aktiviti 'Kotak Beracun' ini bertujuan melatih murid memberikan kefahaman mereka secara ringkas tentang apa yang dipelajarinya. Akhir sekali, bagi menguji tahap kefahaman mereka, kami telah mengedarkan borang refleksi untuk meminta mereka menulis hasil pengajaran dan pembelajaran bersama kumpulan kami.

Setelah selesai aktiviti yang telah dirangka oleh ahli kumpulan kami, kami berasa bahawa maklumat dan mesej yang ingin kami sampaikan telah difahami oleh pelajar-pelajar SMK Pekan Baru ini. Kami dengan penuh pengharapan berharap supaya pelajar-pelajar disekolah berkenaan tidak terlibat dalam budaya hedonisme serta kes-kes sosial yang lain. Ia bukan sahaja memberi kesan negatif kepada diri malahan kepada masyarakat dan negara. Akhir kata, seandainya saya diberi peluang untuk melaksanakan program ini sekali lagi, saya berharap dapat merancang aktiviti dalam kuantiti yang banyak dan lebih bermanfaat serta mempunyai intipati yang berkaitan.

2) NURUL FIKRAH BINTI AZIZ (141428)

Pertama sekali saya ingin melafazkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga kerana dapat menyiapkan tugas bagi subjek Perkembangan Interpersonal dan Intrapersonal Remaja (PGA102) iaitu pelaksanaan intervensi berdasarkan isu Budaya Hedonisme dalam Kalangan Remaja. Projek kami berlangsung di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Baru, Parit Buntal, Perak pada 2 Mei 2019. Pihak sekolah telah menyediakan sekumpulan pelajar untuk diberi intervensi mengenai tajuk yang kami bawa pada hari tersebut. Projek ini merupakan projek yang memberikan saya banyak pengalaman dan mampu mempersiapkan diri saya sebagai seorang pendidik kelak.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih penyelaras projek kami iaitu Prof Madya Dr Aswati Hamzah serta Dr Haji Norawi Ali kerana telah banyak membantu saya dan juga rakan-rakan yang lain dalam menjalankan intervensi. Kami kerana telah berusaha menggerakkan tugas kerja yang diberi dengan sebaiknya. Ucapan terima kasih juga ditujukan khas kepada ahli-ahli kumpulan yang memberikan kerjasama dan komitmen dalam menjalankan tugas yang diberi. Tanpa kerjasama semua, sudah tentu kita tidak akan mampu menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Antara pengalaman yang saya dapat saya perolehi ialah projek ini mampu melatih cara komunikasi saya dengan pelbagai pihak. Bagaimana saya perlu membina satu komunikasi yang berkesan agar kami semua dapat mencapai kelangsungan projek pada hari yang telah ditetapkan. Hal ini kerana, tugas yang diberi memerlukan kemahiran komunikasi yang tinggi untuk mencapai objektif projek. Selain itu, dengan komunikasi saya juga dapat mengurangkan rasa gugup apabila berhadapan dengan pihak lain. Seperti yang diketahui, dalam bidang perguruan ini, kita perlu membuang rasa gugup dan malu apabila berada di hadapan. Bertitik tolak daripada latihan komunikasi ini, saya dapat melatih diri saya sebagai seorang pendidik.

Selain itu, masalah-masalah seperti pengurusan projek yang tidak efektif haruslah diubah. Hal ini demikian kerana, berlakunya pemsalahan ketika tiba di sekolah. Kami mendapati bahawa pihak sekolah tidak mengetahui mengenai kedatangan kami di sekolah bagi tujuan interensi. Perkara ini berpunca dari komunikasi 2 hala yang tidak berlaku dengan baik dan sikap mengambil mudah akan sesuatu perkara. Sedangkan urusan ini akan memberi reaksi negatif terhadap Universiti Sains Malaysia sekiranya pengurusan projek dibuat sambil lewa dan tidak ada penetapan yang jelas dari kedua-dua pihak.

Di sini, sudah menunjukkan bahawa kurangnya penggunaan interpersonal dalam diri sebagai seorang bakal pendidik. Oleh itu, pengurusan projek untuk projek seterusnya haruslah mengubah keadaan ini agar tidak menjejaskan tentative program yang disediakan dan bagi memastikan setiap program mencapai objektif yang ditetapkan dan mampu memberi intipati kepada semua warga sekolah.

Secara keseluruhannya, saya amat berpuas hati dengan projek intervensi ini walaupun gerak kerja agak tidak tersusun dan ketidaktelusan maklumat namun semua perkara ini dapat diselesaikan dengan baik dan projek dapat dijalankan dengan jayanya. Pada pandangan saya, setiap masalah yang timbul menjadikan saya lebih kuat dan peka terhadap isu-isu sensitif dan penting agar mesej yang hendak diberi disampaikan dengan jelas. Jika diberi peluang lagi, saya dan ahli kumpulan yang lain akan menjalankan tugas yang diberi dengan lebih baik. Pada masa akan datang kami cuba pastikan yang kami berjaya mengurangkan kebarangkalian untuk membuat silap dalam menjalankan projek yang diberikan. Selain itu, tugas yang diberikan ini menjadikan saya lebih yakin dan matang dalam melontarkan idea dan menyelesaikan masalah dalam menguruskan hal luar dan mampu berkomunikasi bukan sahaja dengan rakan sekerja bahkan dengan masyarakat luar juga.

3) SITI NUR ATIRAH BINTI NORDIN (142562)

Tajuk tugas PGA102 ialah projek First Year To School yang telah berlangsung pada 2 Mei 2019 yang bertempat di SMK Pekan Baru telah memberi banyak pengalaman kepada saya. Terlebih dahulu, syukur ke hadrat Ilahi kerana limpah dan kurnia-Nya walaupun pada awalnya saya sendiri tidak mempunyai pengalaman dalam melakukan projek seperti ini.

Projek ini merupakan salah satu aktiviti yang wajib diikuti oleh semua mahasiswa. Oleh itu, untuk melakukan tugas ini memerlukan satu kumpulan yang sangat kuat ahlinya dimana kekuatan itu adalah toleransi, kerjasama dan sebagainya. Saya dapat memupuk sikap dan sifat ini sepanjang projek ini dilaksanakan. Di sini saya dapat lihat bahawa kerjasama antara ahli kumpulan menyebabkan kerja yang sukar dilakukan menjadi senang. Contohnya, dalam tempoh selama 8 minggu ini, banyak dugaan dan cabaran telah saya hadapi dalam menyelesaikan dan memahami tentang hedonisme. Dengan kehadiran dan pencerahan dari ahli kumpulan, saya dapat memahami dengan lebih jelas dan terperinci tentang budaya negatif ini. Saya juga mampu bersabar dengan segala masalah yang dihadapi. Contohnya, kehadiran kami ke sekolah sasaran tidak diketahui oleh pihak sekolah. Namun, dengan bantuan pensyarah dan pihak sekolah, kami tetap diberi peluang. Ini dapat dilihat apabila seseorang mempunyai kemahiran komunikasi secara interpersonal dengan baik, mungkin sesuatu masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dengan baik.

Selain itu, saya juga diberikan pengalaman dalam melakukan aktiviti dalam suasana kelas. Guru dan kelas sudah tidak dapat dipisahkan lagi. Oleh itu, dengan projek yang dilakukan ini memberi sedikit sebanyak pengalaman untuk menempuh alam pekerjaan kelak. Pada fikiran saya, memberi penerangan dalam kelas merupakan satu pekerjaan yang susah dimana guru perlu memikirkan cara bagaimana menarik minat pelajar kerana lain pelajar lain ragamnya. Pada awalnya, saya amat bimbang jika pelajar tidak mampu untuk memberi komitmen kepada saya sepanjang aktiviti berlansung. Namun itu merupakan andaian kolot kerana pelajar yang saya dapat merupakan pelajar yang ceria dan kelakar. Mereka mengatakan bahawa aktiviti yang diadakan adalah aktiviti yang seronok. Selain mendapat pengalaman, saya juga dapat mengasah bakat dan idea yang saya ada untuk diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kelak.

SMK Pekan Baru merupakan sekolah yang terletak di bandar. Oleh itu, keadaan yang bising membuatkan saya sukar untuk melakukan pekerjaan. Namun saya perlu sesuaikan diri dalam menerima keadaan baru. Disini dapat saya nyatakan jika di alam pekerjaan kelak, ia

mempunyai suasana yang berbeza dengan sekarang. Oleh itu, saya juga perlu belajar menyesuaikan diri dalam apa-apa situasi. Saya juga dapat memupuk sikap positif dalam diri di mana saya perlu bijak untuk mengawal kemarahan untuk mengatasi masalah yang dihadapi.

Antara cabaran yang saya dapat semasa projek ini berlangsung adalah sekolah sasaran merupakan sekolah majoriti pelajar india. Pada awalnya, situasi ini amat membimbangkan saya kerana takut berlaku salah faham dalam komunikasi. Namun itu semua berlaku di sebaliknya apabila saya melihat pelajar – pelajar india amat menghormati dan memahami segala isi dan intipati yang saya berikan. Di sini dapat dilihat bahawa kemahiran intrapersonal dan interpersonal memainkan peranan yang penting dalam memulakan sesuatu hubungan terutama dengan orang yang baru dikenali.

Antara kekuatan yang dapat saya lihat sepanjang projek ini berlangsung di sekolah ialah ahli kumpulan saya bijak dalam mengatur kerja. Hal ini dikatakan sedemikian kerana pada awalnya kami mempunyai masalah dengan pihak sekolah di mana mereka tidak mengetahui kehadiran kami menyebabkan mereka tidak sediakan pelajar sasaran untuk kami. Kami terpaksa menunggu beberapa jam untuk mendapatkan pelajar sasaran yang mengakibatkan banyak aktiviti terpaksa kami batalkan. Dengan bantuan ahli kumpulan terutama fikrah, mereka bijak dalam mengatur strategi sesuai dengan keadaan. Perkara yang dapat dilihat disini ialah seorang guru haruslah bersedia dari segi mental dan fizikal dalam menempuh cabaran dan halangan di sekolah.

Kesimpulannya, projek ini telah memberikan saya peluang untuk saya lebih mengenali dan lebih akrab dengan ahli kumpulan saya yang sebelum ini saya tidak pernah melakukan projek dengan mereka. Tugas ini juga telah memupuk sikap kerjasama dan saling bantu-membantu antara satu sama lain kerana ahli kumpulan saya telah bertungkus-lumus mencari bahan, idea dan sebagainya bagi menjayakan projek kami.

4) NURAI SYAH BINTI LAFTI AMIN (142792)

Syukur ke hadrat Ilahi dapat juga saya menyiapkan tugas bagi kursus PGA102 Intrapersonal dan Interpersonal iaitu program *First Year To School* yang telah diadakan pada 2 Mei 2019, bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Baru, Parit Buntar, Perak. Tujuan program ini dijalankan adalah kerana ingin mengenali dan mendalami isi hati kumpulan sasaran dengan lebih dekat berdasarkan tajuk yang diberi. Kami telah diberikan 15 orang pelajar yang berumur 13 tahun untuk melaksanakan tugas ini.

Kumpulan kami telah bersetuju untuk memilih isu hedonisme bagi tugas kali ini. Budaya hedonisme sangat berkait rapat dengan masyarakat terutamanya golongan remaja yang sedang meningkat dewasa. Remaja adalah antara golongan yang mudah terpengaruh dan suka mencuba perkara-perkara yang baru atau perkara yang sedang tular. Hedonisme ini boleh didefinisikan sebagai keseronokan yang melampau sehingga melalaikan. Budaya hedonisme adalah sangat luas dan boleh berlaku dalam pelbagai perkara. Contohnya, budaya meraikan sesuatu perayaan secara melebihi-lebih atau budaya melepak tanpa mendatangkan faedah.

Secara amnya, isu yang kami bawa ini adalah luas dan sukar untuk seseorang memahaminya dalam tempoh yang singkat. Bagi pelajar yang berumur 13 tahun adalah agak susah untuk mereka mengerti tentang hedonisme itu sendiri. Namun, pada akhir program tersebut mereka dapat memahami dan menyelesaikan setiap aktiviti yang telah kami sediakan. Pada mulanya, kami agak bimbang dengan tajuk yang ingin kami bentangkan kepada pelajar tersebut kerana kami isu ini agak luas dan sukar untuk dihadam. Tetapi dengan pengetahuan dan input-input yang berkaitan hedonisme dapat juga kami menyampaikan dan melaksanakan program ini dengan jayanya. Malah, penerimaan dan pemahaman yang ditunjukkan oleh setiap pelajar telah membuktikan bahawa kumpulan kami telah berjaya mencapai objektif tugas kami.

Bekerja dalam kumpulan banyak memberikan pengajaran kepada saya. Contohnya bekerja secara berkumpulan banyak mengajar kita untuk bekerjasama dan bertolak ansur. Oleh itu, saya dan ahli kumpulan yang lain bekerjasama bermula dari awal pembentukan kumpulan dan pemilihan tajuk, pembentangan setiap minggu di dalam kelas tutorial serta berbincang setiap minggu tentang apa yang ingin dibentangkan dan akhir sekali isu ini dibawa ke sekolah untuk dilaksanakan bersama pelajar sekolah tersebut. Saya juga belajar untuk bertolak ansur dan memahami ahli kumpulan yang lain. Walaupun masing-masing mempunyai jadual yang padat dan tidak sama antara satu sama lain, tetapi kami masih lagi mampu untuk menyiapkan dan melaksanakan program ini dengan jayanya.

Selain itu, penerimaan kedatangan kami oleh pihak sekolah juga amat saya hargai walaupun pada mulanya terdapat sedikit masalah yang datang dari pihak kami. Namun, pihak sekolah masih tetap juga menyambut kedatangan kami dengan baik dan membenarkan kami untuk melaksanakan program ini di sekolah mereka. Tidak lupa juga kepada semua pelajar yang terlibat semasa program ini berlangsung. Mereka banyak membantu saya dan ahli kumpulan dalam menjayakan program ini. Maklum balas dan kerjasama yang diberikan oleh setiap pelajar semasa menjalankan program ini banyak membantu kami untuk menjayakannya. Setiap pelajar telah menyelesaikan setiap aktiviti yang telah disediakan bersama-sama tanpa sebarang masalah. Mereka sentiasa mendengar kata dan menuruti arahan yang telah diberikan.

Kesimpulannya, program yang kami laksanakan ini tidak akan berjaya tanpa bantuan dari pelbagai pihak terutama kepada setiap ahli kumpulan yang bertungkus lumus menyiapkan tugas ini, kepada pensyarah-pensyarah yang banyak membantu kami mencari idea-idea yang sesuai dan kepada pihak sekolah serta pelajar-pelajar yang terlibat semasa program berlangsung. Objektif kami untuk program ini telah tercapai dengan adanya bantuan tersebut dan kerjasama dari semua orang yang terlibat.

5) NUR FARAH IZZATI BINTI MD ZAIN (141484)

Alhamdulillah, syukur terhadap Ilahi akhirnya tugas PGA 102 ini dapat disiapkan dan berjalan dengan lancar. Terlalu banyak perkara yang saya pelajari menerusi tugas ini, daripada sekecil-kecil perkara sehinggalah ke perkara yang lebih besar. Pemilihan tajuk hedonism bagi intervensi kami ini merupakan antara tajuk yang agak susah kerana ramai yang belum mengetahui secara jelas akan perkara ini termasuklah pelajar universiti sendiri. Maka, menjadi satu cabaran kepada kami untuk menerangkan dengan baik terutamanya kepada pelajar sekolah. Pencarian maklumat, pemikiran yang kreatif, penyampaian yang santai tetapi dapat menyampaikan maklumat dengan jelas merupakan satu perkara yang terkadang menyebabkan kami menjadi buntu buat seketika. Hal ini demikian kerana sesuatu perkara yang tidak pernah dipelajari atau sesuatu perkara yang baru memerlukan pengulangan dan penjelasan yang berterusan supaya sesuatu maklumat itu dapat disampaikan dan mereka dapat memahaminya dengan sangat baik dan lebih jelas.

Tugas ini telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang yang dapat berfikir secara kreatif dan kritis, terutamanya dalam mencari maklumat yang ingin disampaikan dan penyusunan idea dalam melaksanakan program ini. Hal ini tidak akan dapat saya jalankan jika tidak ada kerjasama antara satu sama lain. Perkongsian maklumat, pengalaman, dan tunjuk ajar yang diberikan sesama kami membuatkan minda saya lebih terbuka mengenai tajuk ini. Pemilihan tajuk ini adalah berdasarkan keperluan semasa dimana remaja kini terlalu terikut-ikut dengan hiburan yang melampau tanpa mereka sedari ianya telah meresap ke dalam diri. Maka, kami terpanggil untuk menjalankan intervensi bagi memberikan pendedahan awal kepada mereka tentang bahayanya hedonism ini. Pada mulanya kami agak risau untuk membawa perkara ini kerana tidak ramai pihak yang pernah melakukan intervensi berkaitan dengan hedonism, tetapi itu bukanlah alasan untuk kami menyerah sebelum berusaha. Berkat kesatuan dan keyakinan kami, maka kami tetap memilih untuk meneruskan pemilihan tajuk ini.

Selain itu, menerusi program ini saya dapat mengetahui pentingnya untuk mempunyai intrapersonal dan interpersonal yang baik. Hal ini disebabkan oleh melalui kelebihan ini, kita dapat menjadi seorang yang mampu mempunyai keperibadian atau pegangan hidup yang tersendiri. Apabila seseorang mempunyai prinsip hidup yang tetap dan baik, maka seseorang itu akan sukar untuk terpengaruh dengan unsur-unsur di luar contohnya hiburan yang melampau ini. Seterusnya, menerusi program ini juga saya dapat mengaplikasikan dan menggunakan teori-teori yang telah kami kaji dan lebih jelas akan penggunaannya di dalam

kehidupan dan di dalam pelaksanaan program ini. Hal ini tidak akan dapat saya kecapai jika tidak menggunakan peluang ini dengan sebaiknya. Sesungguhnya, pengalaman yang diperoleh sepanjang proses perbincangan, penyusunan idea dan aktiviti sehinggalah ke peringkat pelaksanaan program merupakan sesuatu yang sangat bernilai. Saya, berharap program seperti ini akan diteruskan supaya bakat atau kelebihan yang terpendam mampu dizahirkan dan dapat menjadi insan yang bermanfaat untuk masyarakat.

6) MOHD NOOR SYAFIQ BIN NOR HISHAM (141779)

Alhamdulillah bersyukur kepada Allah swt kerana telah memberi saya peluang untuk mengendalikan projek First Year to School ini dibawah subjek PGA102. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Prof Madya Dr Aswati Hamzah serta Dr Haji Norawi Ali kerana telah banyak memberi sokongan dan dorongan dalam proses menyelesaikan tugas ini. Pada awalnya, saya merasakan bahawa projek ini amatlah sukar tambah tambah lagi kumpulan kami membawakan tajuk 'Hedonisme' sebagai tema utama aktiviti intervensi kami. Dari minggu ke minggu sedikit sebanyak saya merasakan bahawa program ini tidaklah sesukar mana sekiranya kita memberi seluruh hati dan jiwa kita untuk melaksanakannya. Dari minggu ke minggu juga saya dapat belajar banyak perkara baru apabila melakukan perbincangan dan pembentangan bersama rakan kumpulan saya.

Pada hari aktiviti ini dilaksanakan, saya berasa amat gementar dan gugup untuk mengendalikan aktiviti ini kerana ini merupakan pengalaman pertama saya mengendalikan pelajar sekolah apabila saya menyambung pelajaran di Universiti Sains Malaysia ini. Dorongan yang diberikan oleh rakan kumpulan saya amatlah berhasil dalam menghilangkan rasa gementar yang saya alami semasa di sekolah tersebut. Alhamdulillah semua aktiviti yang dirancang berjaya dilaksanakan dengan aman baik sekali. Apabila saya disekolah tersebut saya dapat melihat dan belajar ragam anak anak pelajar pada masa sekarang. Hal ini sedikit sebanyak telah memberikan saya kesedaran untuk bersedia menghadapi segala cabaran dan mempersiapkan diri saya dengan sebaiknya sebelum memulakan kerjaya sebagai seorang tenaga pengajar di negara kita ini. Pengalaman di sekolah itu merupakan pengalaman yang tidak dapat saya lupakan kerana iainya merupakan pengalaman yang banyak memberi pengajaran dan kesedaran kepada saya.

Semasa proses perbincangan dilaksanakan pada setiap minggu, saya amat bersyukur kerana kaedah yang digunakan iaitu melakukan pembentangan setiap minggu amatlah membantu saya. Kemahiran untuk berkomunikasi saya serta keyakinan saya dapat ditingkatkan apabila pembentangan setiap minggu ini dilaksanakan. Pembentangan setiap minggu ini telah melatih kami untuk sentiasa mencari maklumat dan info info yang berkaitan dengan tajuk kami. Perkara ini sedikit sebanyak telah menambah ilmu pengetahuan saya serta menambahkan pemahaman saya terhadap kursus ini iaitu pemahaman tentang interpersonal dan intrapersonal. Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Tidak lupakan juga kepada rakan kumpulan saya yang banyak membantu saya dalam pelaksanaan projek ini. Ribuan terima kasih saya ucapkan dan saya amat menghargai segala bantuan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh rakan kumpulan saya iaitu saudari Fikrah, Farah, Hanaa', Aisyah dan Siti. Sejujurnya saya berasa amat kerdil apabila bersama rakan kumpulan saya yang jauh lebih bagus daripada saya ini. Saya bersyukur kerana mereka sudi membantu saya dari minggu ke minggu dan tanpa sedar sedikit sebanyak telah banyak memperbaiki diri saya dari pelbagai aspek. Saya amat kagum melihat cara rakan rakan saya mengendalikan para pelajar semasa kami di sekolah tersebut. Saya banyak belajar daripada mereka cara untuk mengendalikan dan berinteraksi bersama pelajar pelajar di sekolah. Banyak yang saya belajar apabila saya bersama rakan kumpulan saya.

iii. TUGASAN SETIAP AHLI

NAMA AHLI KUMPULAN	SKOP TUGASAN
NURUL HANAA' BINTI KHADRI 141297 PPIP (PENDIDIKAN KHAS)	-1.0 Pengenalan -Refleksi Individu
NURUL FIKRAH BINTI AZIZ 141428 PPIP (PENDIDIKAN KHAS)	-2.1 Intevensi Sosio Pendidikan (Sebelum) -Cadangan Penambahbaikan -Refleksi Individu
NUR FARAH IZZATI BINTI MD ZAIN 141848 PPIP (PENDIDIKAN KHAS)	-2.2 Intevensi Sosio Pendidikan (Semasa) -Refleksi Individu
NUR AISYAH BINTI LATFI AMIN 142792 PPIP (PENDIDIKAN KHAS)	-2.3 Intevensi Sosio Pendidikan (Selepas) -Refleksi Individu
MOHD NOOR SYAFIQ BIN NOR HISHAM 141779 PPIP (SAINS DENGAN PENDIDIKAN)	-3.0 Perbincangan Dan Data Maklumat -Refleksi Individu
SITI NUR ATIRAH BINTI NORDIN 142562 PPIP (PENDIDIKAN KHAS)	-4.0 Refleksi Kumpulan -5.0 Rujukan -6.0 Lampiran -Refleksi Individu

5.0 RUJUKAN

I. INTERNET

1. http://etheses.uin-malang.ac.id/1548/6/09410017_Bab_2.pdf
2. https://www.academia.edu/28114739/TEORI_PEMBELAJARAN_SOSIAL_ALBERT_BANDURA
3. <http://aniqiyah09luluk.blogspot.com/2012/12/teori-perkembangan-vygotsky.html?m=1>
4. https://www.academia.edu/28012716/Teori_Pembelajaran_Sosial_Albert_Bandura.pdf
5. <http://idayoce.blogspot.com/2016/07/perkembangan-kognitif-pada-masa-remaja.html>
6. <http://abarokah18.blogspot.com/2012/02/perkembanganemosi-remaja-target.html>
7. <http://penyiarandalamislam.blogspot.com/2015/12/hedonisme.html>
8. <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=budaya>

II. BUKU

1. Jonh W. Santrock. (2013). *Life Span Development*. University Of Texas At Dallas
2. Dr. Shahizan, Tsai Chen Chien, Saw Hooi Chin. (2014). *Intrapersonal & Interpersonal Untuk Remaja*. PTS Professional Publishing Sdn.Bhd

6.0 LAMPIRAN



GAMBAR 1: Mahasiswa Sebelum Ke Kelas Sasaran



GAMBAR 2: Sesi Perkenalan Fasilitator Dengan Pelajar



GAMBAR 3: Sesi Perkenalan Pelajar



GAMBAR 4: Fasilitator Melekatkan Tanda Nama Pelajar



GAMBAR 5: Sesi Melukis Diri Sendiri



GAMBAR 6: Hasil Lukisan Pelajar



GAMBAR 7: Sesi Pertunjukkan Produk



GAMBAR 8: Pelajar Melihat Produk Yang Dibuat Oleh Fasilitator



GAMBAR 9: Aktiviti Botol Beracun





GAMBAR 10: Pelajar Membaca Dan Menjawab Soalan Daripada Botol Beracun



GAMBAR 11: Fasilitator Memberi Kesimpulan



GAMBAR 12: Pelajar Menulis Refleksi Tentang Hedonisme



GAMBAR 13: Refleksi Sebelum Dan Selepas Intervensi Dilakukan



GAMBAR 14: Sesi Akhir Projek Dijalankan